



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

UCAPAN PERASMIAN

**YB DATO SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM
BII.1/2018**

“TAHUN MEMPERKASA WANITA”

9 JANUARI 2018 (SELASA)

**DEWAN PERDANA NUR, ARAS B1 KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Perkasa Wanita sempena Tahun Memperkasa Wanita 2018

(Salutasi)

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, hari ini sekali lagi kita diberikan keberkatan usia untuk menginjak ke satu tahun yang baru, tahun yang memberi satu pengharapan besar untuk kita semua dan yang paling bermakna memberi fokus kepada wanita dengan pengumuman YAB Perdana Menteri dengan **Tahun Memperkasa Wanita**.
2. Sebagai peneraju utama sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas bukan sahaja wanita, malah keluarga dan masyarakat, saya amat berbesar hati membuka lembaran tirai 2018 dengan satu amanah untuk membawa wanita Malaysia ke satu tahap dan kedudukan yang lebih tinggi dan terhormat. Saya percaya apabila wanita berada dalam keadaan aman sejahtera dan berjaya tentu kaum lelaki, anak-anak, masyarakat malah negara juga akan berada dalam keadaan harmoni dan negara akan menjadi lebih utuh. Bak Kata bekas Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Ban Ki-Moon, *“the world would never realize 100% of its goals if 50% of its people cannot realize their full potential. When we unleash the power of women, we can SECURE the future for all”*.

PENCAPAIAN WANITA SEPANJANG 2017

Hadirin yang dihormati sekalian.

3. Banyak kejayaan wanita yang telah kita capai sepanjang 2017. Antaranya penganjuran *Winnovation* sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2017 dengan tema “***Be Bold for Change***” – ***trying to find ways to make a more gender-inclusive world***. *Winnovation* bertujuan *untuk* menghargai sumbangan golongan wanita yang berjaya mencipta inovasi baru dalam bidang masing-masing dan dapat menyumbang kepada komuniti setempat seterusnya pembangunan negara sama ada secara langsung atau tidak langsung.
4. ***The Global Gender Gap Report 2016*** melaporkan bahawa **Malaysia telah mencapai tahap pariti yang hampir setaraf dengan negara-negara maju dari segi ekonomi, kesihatan dan pendidikan**. Peningkatan akses kepada pendidikan, peluang pekerjaan dan keusahawanan serta perubahan sosio budaya dalam kalangan masyarakat telah membolehkan wanita bergerak progresif dan berpeluang untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan negara. Ini diperkukuhkan lagi dengan sokongan kerajaan yang sentiasa mengambil berat tentang isu dan kepentingan wanita serta mengiktiraf wanita selaku rakan pembangunan negara.

PROGRAM MOST

5. Selain daripada pencapaian wanita di segenap penjuru Malaysia, saya juga turut berbesar hati mengimbas kejayaan **Malaysia yang merupakan negara pertama di Asia Pasifik yang dilantik sebagai Presiden kepada *Management of Social transformation Programme (MOST)* untuk tempoh 2015-2017 yang saya pegang bagi penggal kedua, dan Malaysia juga telah dilantik semula sebagai ahli kepada *Intergovernmental Council (IGC) MOST* untuk fasa 2017-2021.** Ini merupakan satu penghargaan dan membuktikan keyakinan komuniti antarabangsa terhadap Malaysia.
6. Pelantikan ini merupakan **satu pengiktirafan besar buat Malaysia dan keahlian dalam IGC meningkatkan imej Malaysia sebagai negara ahli kepada UNESCO dan menunjukkan komitmen kepada pembangunan inklusif yang merupakan salah satu fokus UNESCO dalam Sustainable Development Goals (SDG).**

BULAN KEBAJIKAN NEGARA

Hadirin yang dihormati sekalian.

7. Tahun 2017 kita telah **berjaya melaksanakan Bulan Kebajikan Negara 2017** yang bertemakan “Memperkukuh Inklusiviti Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat”. **Ini merupakan satu inisiatif Kementerian yang julung kali diadakan secara besar-besaran dan menjadi acara tahunan sebagai mengiktiraf amalan dan penyampaian**

perkhidmatan kebajikan kepada masyarakat terutama kepada mereka yang memerlukan. Ini menjadi platform Kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi dalam memastikan suara rakyat didengari dan tidak terpinggir.

8. Sambutan Bulan Kebajikan Negara ini merupakan **gabungan sambutan bagi meraikan 4 kumpulan sasar selaras dengan sambutan di peringkat antarabangsa yang mana Hari Warga Emas dan Hari Kanak-kanak Sedunia** diraikan dalam bulan Oktober manakala Hari OKU dan Hari Sukarelawan pula diraikan pada Disember setiap tahun.

ANUGERAH *INTERNATIONAL FEDERATION FOR FAMILY DEVELOPMENT (IFFD)*

Hadirin yang dihormati sekalian.

9. Pelbagai kejayaan yang telah dicapai bukan sahaja di peringkat nasional bahkan di persada antarabangsa. **Pada tahun 2017, LPPKN telah menerima anugerah bagi kategori Organisasi Keluarga 2017 dari Persekutuan Pembangunan Keluarga Antarabangsa atau *International Federation For Family Development (IFFD)*** iaitu sebuah NGO antarabangsa berstatus perundingan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atas inisiatif membangunkan Dasar Keluarga Negara melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Anugerah keluarga ini merupakan pengiktirafan kepada peranan dan

kejayaan LPPKN dan KPWK M dalam membina keluarga sejahtera. Tahniah diucapkan.

10. Manakala **ISM telah berjaya menganjurkan 10 siri Program Dialog TN50 di sepanjang tahun 2017** mencakupi pelbagai peringkat warga KPWK M dan khasnya kumpulan sasar kementerian seperti wanita, warga emas, kanak-kanak, OKU, gelandangan dan sukarelawan. **Sebanyak 1413 aspirasi telah berjaya dikumpulkan dengan kehadiran hampir 8000 orang.** Aspirasi TN50 juga bukan sahaja diperolehi melalui sesi dialog malah turut diperolehi melalui atas talian.
11. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua warga KPWK M tanpa seorang pun yang terkecuali kerana saya percaya setiap kejayaan yang telah kita kecapai sepanjang tahun 2017 adalah hasil usaha semua pihak.
12. Mengorak langkah mendepani tahun 2018, saya meletakkan sepenuh kepercayaan dan memberi sokongan kepada kepimpinan Kementerian di bawah seliaan Ybhg. Dato Suriani Binti Dato Ahmad selaku Ketua Setiausaha Kementerian sejak 3 November 2017 yang lalu serta saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Hj Fazari Mohd Salleh selaku Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat bermula esok, Tuan Hj. Shukur Abdullah, Ketua Pengarah LPPKN bermula 24 Januari dan Puan Rosmahwati Ishak selaku Timbalan Ketua Pengarah (strategik) JKM berkuatkuasa esok. Tahniah diucapkan.

TAHUN MEMPERKASA WANITA 2018

Hadirin yang dihormati sekalian.

13. Saya pasti semua warga KPWKM telah sedia maklum akan pengumuman Tahun 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita. Saya amat berbesar hati dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana pengumuman tersebut telah meletakkan satu fokus kepada wanita dalam kita mengejar kepesatan arus pembangunan negara.

14. Apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan Tahun 2018 sebagai Tahun Memperkasa Wanita ini sekali gus memerlukan semua pihak untuk memberi komitmen bagi membangun serta memperkasakan peranan wanita dalam institusi keluarga, masyarakat dan seterusnya membangunkan negara.

15. Saya amat menghargai peranan wanita, terutama sekali buat wanita yang bergelar ibu. Dalam Tahun Memperkasa Wanita 2018, kita bukan hanya mahu memperkasa golongan wanita untuk cekap menguruskan anak dan rumah tangga tetapi juga cemerlang dalam karier masing-masing.

16. Oleh itu, saya menyeru semua warga KPWKM untuk mengambil peduli dan memberi sokongan terhadap pelaksanaan Tahun Memperkasa Wanita 2018 seterusnya menjadi ejen untuk mempromosikan Tahun

Memperkasa Wanita 2018 agar ia melekat di setiap hati masyarakat dan bergema di seluruh pelosok negara.

17. Gunakanlah ruang di media sosial masing-masing untuk turut mempromosikan Tahun Memperkasa Wanita 2018. Besar harapan saya agar semua warga KPWKM mampu memberi penerangan tentang Tahun Memperkasa Wanita 2018 kepada sesiapa sahaja yang bertanya mengenai pelaksanaan Tahun Memperkasa Wanita 2018 ini.

18. Pelbagai perancangan telah diatitkan untuk menjayakan Tahun Memperkasa Wanita 2018. Antara program-program yang akan dilaksanakan di peringkat KPWKM di bawah lima (5) kluster:

- i) Bagi kesihatan adalah menerusi kaedah saringan kanser payudara dan kanser serviks di kalangan wanita menerusi Program Subsidi Ujian Mamogram dan Program Vaksinasi HPV;
- ii) Keselamatan melalui Kempen Menangani Keganasan Terhadap Wanita dan komuniti PERWANI 1Malaysia;
- iii) Ekonomi dengan mengarusperdanakan perspektif wanita melalui program seperti Inspirasi TN50 Bagi Wanita, program *2GetHer Empowered* dan Program Pemerkasaan Ekonomi Wanita;
- iv) budaya dan pendidikan seperti Program Literasi Undang-undang, Program Keluarga@Kerjaya, SMARTBelanja@LPPKN dan Pendidikan Kesihatan Reproduksi Dan Sosial Remaja (PEKERTI).

19. Selain hari perhimpunan bulanan ini yang menjadi program *kick start* bagi Tahun Memperkasa Wanita 2018, seprkara yang cukup penting

adalah apabila YAB PM sendiri akan melancarkan logo serta branding bagi Tahun Memperkasa Wanita 2018 yang bakal berlansung pada 17 Jan selepas mesyuarat kabinet di Jabatan Perdana Menteri. Rakan-rakan wartawan dijemput hadir.

20. Malah sebentar lagi sesi *engagement* bersama beberapa personaliti dan *strategic partner* akan turut diadakan secara berterusan bagi mendapatkan sokongan semua sektor dalam memperkasa wanita.
21. Dalam pelaksanaan Tahun Memperkasa Wanita 2018, ia memerlukan usaha daripada pelbagai pihak. Agensi dalaman KPWKM juga sama-sama perlu untuk menyumbang kepada Tahun Memperkasa Wanita 2018.
22. Saya sekali lagi ingin mengucapkan selamat tahun baru 2018. Semoga kita semua dapat menetapkan azam dalam menjadikan tahun 2018 sebagai tahun yang terbaik baik dan marilah kita sama-sama berjuang untuk memperkasakan wanita. Kerana percayalah apabila wanita bahagia, keluarga akan turut gembira, masyarakat akan terbina dengan jayanya dan negara akan sejahtera. Insyaallah. Selamat Menyambut Tahun Memperkasa Wanita 2018.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah. Wassalamu'alaikum W.B.T.